

Malaysia, Jerman setuju perluas kerjasama pendidikan

BH 21 MAR 2002

BERLIN, Rabu - **Malaysia** dan Jerman bersetuju **memperluas**kan kerjasama dalam bidang pendidikan yang dilihat **sebagai** satu lagi sektor penting **mengukuhkan** hubungan **kedua-dua** negara.

Persetujuan dicapai dalam pertemuan **Perdana Menteri**, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Canselor Jerman, **Gerhard Schroeder**, di **sini** hari ini.

Dalam pertemuan itu, Dr Mahathir turut mengambil **kesempatan** mencadangkan universiti di Jerman mengadakan kerjasama secara lebih aktif di **Malaysia**, **terutama** dalam bidang **teknikal**.

Kedua-dua pemimpin turut menyentuh mengenai sistem **latihan vokasional** dan dalam **hubungan ini** syarikat Jerman di Malaysia diharap dapat **mem-bantu** menyediakan **latihan** bidang berkenaan.

Pada sidang akhbar bersama selepas pertemuan kira-kira **sejam** itu, Schroeder berkata, **be-liau** gembira kerana semakin ramai pelajar Malaysia **dihan-tar** ke negara ini.

Dr Mahathir pula ketika **dita-nya** mengenai kemungkinan mengadakan kerjasama dengan

Jerman **bagi** menjadikan Malaysia **pusat** pengeluaran **kompo-nen** kereta, berkata perkara itu **cuma** disentuh secara umum.

Bagaimanapun, katanya, **syarikat** Jerman boleh **digunakan** **bagi** membantu mengadakan program latihan **perantis** bagi meningkatkan kemahiran **pe-kerja** di Malaysia.

Selain bidang pendidikan, Dr Mahathir dan Schroeder turut menyentuh kerjasama **politik** memerangi penganas **antara-bangsa** serta hubungan **eko-nomi** dan perdagangan. "Kami bersetuju untuk melakukan **le-bih banyak** kerjasama dalam **bidang ini**," kata Schroeder.

Sebelum itu, ketibaan Dr Mahathir di perkarangan **bangu-nan Canselor**, disambut penuh istiadat. Turut hadir, Menteri Luar Datuk Seri Syed **Hamid Al-bar**, Menteri **Perdagangan Anta-rabangsa** dan Industri, Datuk Seri Raridah Aziz dan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multi-media, Datuk **Leo Moggie**.

Dr Mahathir **yang** diiringi **is-teri**, Datin Seri Dr **Siti Hasmah Mohd Ali**, tiba di **sini** dari **Mu-nich** semalam **bagi** meneruskan lawatan rasmi tiga hari ke **Jer-man** sebelum berlepas ke **Po-land**, esok.